

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 15 JUN 2015

RUJUKAN : 7958

SOALAN:

**Datuk IkmalHisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] mintaMENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari lalu berapa banyak dadah
yang dirampas dan pengedar yang ditahan di KLIA serta apakah langkah
dilakukan bagi memastikan Malaysia tidak menjadi transit pengedaran
dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM memandang serius masalah penyeludupan dadah melalui pintu-pintu masuk utama Negara terutamanya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selain daripada pihak PDRM, tanggungjawab membanteras penyeludupan dadah di KLIA digalas bersama oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Berdasarkan statistik PDRM dan pihak Kastam, jumlah rampasan dadah dan tangkapan yang dibuat di KLIA bagi tahun 2015 (Januari - April) adalah seperti berikut:-

- i) Pihak PDRM telah menangkap seramai 5 orang pengedar dan merampas 15.42 kg dadah syabu bernilai RM 1.8 juta.**
- ii) Pihak Kastam telah menangkap 5 orang pengedar dan merampas 39.12 kg dadah syabu bernilai RM 7.5 juta.**

Antara langkah yang diambil bagi memastikan pengedaran dadah dapat dibanteras di KLIA, langkah-langkah berikut telah diambil oleh pihak PDRM dan KDRM adalah seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan dan kemahiran serta menjalankan operasi bersama.**
- ii) Menubuhkan Unit Narkotik di lapangan terbang antarabangsa seperti di KLIA, KLIA 2, Kota Kinabalu, Kuching dan Pulau Pinang. Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas sindiket pengedaran dadah yang diseludup masuk dadah ke Negara ini.**
- iii) Meningkatkan penguatkuasaan dadah di KLIA dan KLIA 2, dengan menubuhkan pasukan *rover* bagi pemeriksaan rapi penumpang kapal terbang yang berisiko tinggi dari negara-negara yang berisiko tinggi seperti India, Iran, China, Pakistan, Hong Kong dan Negara Eropah.**
- iv) Memasang mesin pengimbas bagasi dan badan di pintu-pintu masuk/ keluar Negara. Pada masa ini, terdapat 62 unit mesin pengimbas bagasi dipasang di pintu-pintu masuk Negara dan 19 unit mesin pengimbas kargo di lapangan-lapangan terbang utama Negara.**
- v) Penggunaan Anjing Pengesan Dadah (APD) di pintu masuk utama Negara iaitu di lapangan terbang dan sempadan.**

- vi) Membangunkan data risikan berkaitan modus operandi penyeludupan dadah, juga menyediakan profil penyeludupan individu dan rangkaian penyeludupan dadah.**

- vii) Mengadakan latihan berkala kepada petugas di pintu-pintu masuk dan pegawai narkotik bagi meningkatkan pengalaman dan mengetahui modus operandi terkini yang dilakukan dalam penyeludupan dadah.**